

sebuah negara bermaklumat (*digital nation*). Pelaksanaan ini akan melibatkan beberapa fasa.

Selain daripada itu, semakan semula akta turut akan dilihat secara keseluruhan bagi memastikan pindaan semula akta berkenaan selaras dengan peruntukan undang-undang semasa.

Akta ini juga turut akan memperlihatkan semula peranan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam mempertingkatkan capaian rangkaian telekomunikasi di seluruh Malaysia khususnya di kawasan-kawasan berpenduduk sekaligus dapat merealisasikan masyarakat bermaklumat dan merapatkan jurang digital.

Bagi Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 pula, kajian dibuat untuk memperkukuh serta menambahbaik terutamanya dari segi peruntukan-peruntukan penting mengenai urus tadbir dan penguatkuasaan serta pindaan lain yang dapat membantu perjalanan SKMM sebagai pengawal selia industri telekomunikasi negara.

Bagi urusan semakan semula kedua-dua akta ini proses *engagement* dengan agensi-agensi serta kementerian lain dilakukan agar pandangan semua pihak berkepentingan diambil kira dalam menggubal sesuatu peruntukan baru, sekiranya berkaitan dan difikirkan wajar.